

Perkhemahan KUTKM meriah

Archival News | Utusan Malaysia | 05/05/2007

Aktiviti 2

BADAN Kepimpinan Mahasiswa Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM), Melaka telah menganjurkan Perkhemahan Perdana Mahasiswa KUTKM (PPMK) yang diadakan di Pantai Penyabung Resort, Mersing Johor baru-baru ini.

Perkhemahan perdana terbesar yang dilaksanakan buat kali pertama dalam sejarah penubuhan KUTKM itu melibatkan 500 pelajar.

Program perkhemahan selama 4 hari 3 malam itu telah dirasmikan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Datuk Dr. Adham Baba.

Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan sepanjang perkhemahan itu terutamanya aktiviti bercorak in-door dan out-door.

Program bermula dengan bengkel Strategik Planning yang memerlukan setiap organisasi pelajar merancang dan membentangkan aktiviti selama setahun yang akan dilaksanakan.

Aktiviti outdoor pula memerlukan pelajar membina sendiri rakit dengan bantuan pihak bomba daerah Mersing.

Permainan lain yang diadakan ialah War Game dan Team Building yang memerlukan para peserta bergerak dan bekerjasama dalam kumpulan.

Dalam program tersebut juga diselitkan pengisian seperti ceramah motivasi, ceramah hala tuju, Latihan Dinamika Kumpulan (LDK) kepada pelajar-pelajar sekolah yang disampaikan oleh mahasiswa KUTKM sendiri dalam meningkatkan minat para pelajar dari bangku sekolah lagi untuk bersemangat dalam menuntut ilmu dan membela nasib agama, bangsa dan negara.

(Source : Utusan Malaysia)